

Surat kami : 100-HEA (36/3/1/6)  
Tarikh : 03 Disember 2021

Kepada Semua  
Rektor/Dekan Fakulti  
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Universiti Teknologi MARA

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Tuan/Puan

**PEMAKLUMAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)  
TERHADAP LANTIKAN AKADEMIA YANG TELAH DILANTIK OLEH UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Lantikan Akademia Bil 11/2021 adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua Lantikan Akademia yang dibuat Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah amat penting untuk membantu ketampakan UiTM dan mampu menaikkan Ranking UiTM. Oleh itu, mohon kerjasama semua untuk:

- a.) Menyediakan satu halaman atau pautan di laman web PTJ masing-masing yang memaparkan senarai Lantikan Akademia yang aktif, maklumat aktiviti dan program yang telah dijalankan serta lain-lain perkara berkaitan dengan lantikan yang berkenaan.
- b.) Memberikan maklumbalas ke email [mohdf540@uitm.edu.my](mailto:mohdf540@uitm.edu.my) bagi Lantikan Akademia yang dirasakan 'high-profile' yang ada di fakulti dan kampus masing-masing. Maklumat ini akan dipaparkan di halaman *Academia Spotlight* pada web Bahagian Hal Ehwal Akademik (<https://hea.uitm.edu.my/v4/>). Bagi tujuan yang berkenaan, mohon lampirkan softcopy seperti yang berikut :
  - i. Surat iringan dari fakulti/kampus – menyatakan kebenaran untuk dipaparkan maklumat calon di web <https://hea.uitm.edu.my/v4/>.
  - ii. Gambar Terkini Calon
  - iii. Curriculum Vitae (CV) Calon yang Terkini
  - iv. Gambar berkaitan Aktiviti, Program, Perkhidmatan dan lain-lain melibatkan calon semasa dan sepanjang perkhidmatan mereka di fakulti dan kampus. (Nyatakan Nama Aktiviti dan tarikh dilaksanakan).
  - v. Nyatakan Perancangan Aktiviti dan KPI/Output yang disasarkan untuk calon sepanjang lantikan (Yang boleh diketengahkan dan diletakkan di web yang berkenaan).

Surat kami : 100-HEA (36/3/1/6)  
Tarikh : 03 Disember 2021

**PEMAKLUMAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)  
TERHADAP LANTIKAN AKADEMIA YANG TELAH DILANTIK OLEH UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA**

3. Semoga dengan kerjasama yang diberikan ini memberi manfaat kepada PTJ serta Universiti Teknologi MARA. Komitmen berkaitan perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**PROF. TPr. DR. JAMALUNLAILI ABDULLAH**

Pengerusi

Jawatankuasa Lantikan Akademia UiTM